Abdul Rahman bin Md Salleh lwn Yong Poh Nian dan lagi satu

A

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — RAYUAN SIVIL NO 12(B)-12 TAHUN 2011
AHMAD NASFY PK
19 OKTOBER 2012

B

Ganti rugi — Kemalangan jalan raya — Kuantum — Kecederaan — Two fractures, wasting of thigh muscles, restricted movements of right hip joint, osteoarthritis of right hip joint — Jumlah award global sebanyak RM45,000

C

Ganti rugi — Kemalangan jalan raya — Kuantum — Kecederaan — Muscle wasting — Award sebanyak RM5,000

D

Ganti rugi — Kemalangan jalan raya — Kuantum — Kecederaan — Scars (hypo pigmented scar) — Award sebanyak RM5,000

E

Tort — Kemalangan jalan raya — Liabiliti — Rayuan — Sama ada defendan-defendan cuai 100% — Versi berbeza bagaimana kemalangan berlaku — Sama ada mahkamah boleh merujuk kepada keterangan senyap rajah kasar dan kunci — Sama ada mahkamah boleh mengambil kira kerosakan-kerosakan dan kedudukan kedua-dua kenderaan — Sama ada plaintif cuai kerana mengekori motor lori defendan pada jarak yang dekat

F

Dalam kes kemalangan ini, plaintif dan defendan-defendan telah memberikan versi yang berbeza mengenai kedudukan motor lori defendan sejurus sebelum kemalangan. Pihak plaintif mengatakan defendan memberhentikan motor lorinya di pertengahan simpang tanpa sebarang isyarat dan membuat halangan kepada plaintif sehingga mengakibatkan perlanggaran dan kemalangan. Pihak defendan pula mengatakan bahawa beliau memberikan isyarat untuk membelok dalam jarak 3 ke 4 kereta dan berhentikan motor lorinya, di tepi garisan tengah jalan. Apabila beliau sedia untuk membelok, tiba-tiba motor lorinya dilanggar oleh motor lori plaintif di sebelah belakang tepi kiri dan sisi kiri. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah menolak tuntutan plaintif dengan kos. Plaintif telah merayu ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan plaintif atas dasar liabiliti 50:50 dan mengawardkan kuantum seperti berikut: (a) bagi *fracture of the right acetabulum and posterior fracture dislocation of right hip* — RM45,000; (b) bagi *muscle wasting*—RM5,000; dan (c) bagi *scars*—RM5,000. Defendan-defendan telah merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut.

G

H

I

Diputuskan, membenarkan rayuan plaintif atas liabiliti dan sebahagian kuantum dengan kos:

(1) Apabila terdapat dua versi yang bertentangan maka adalah menjadi tugas mahkamah untuk merujuk kepada keterangan senyap iaitu rajah kasar dan pelan kunci. Mengambil kira kerosakan-kerosakan dan kedudukan kedua-dua motor lori tersebut seperti di gambar dan rajah kasar atas imbangan kebarangkalian mahkamah memutuskan bahawa kedua-dua defendan dan plaintif bertanggungan 50:50 atas kemalangan tersebut. Plaintif didapati cuai kerana mengekori motor lori defendan pada jarak yang dekat (lihat perenggan 12 & 16).

(2) Laporan pakar menyatakan: 'Apart from the 2 fractures the Plaintiff also suffers from (a) Wasting of the thigh muscles; (b) Restricted movements of right hip joint; dan (c) Osteoarthritis of right hip joint. Jumlah award global yang munasabah adalah sebanyak RM45,000 (lihat perenggan 17(a)); *Sim Chee Yong v Jonny ak Linggon & Anor* [2008] 1 PIR [58] dirujuk; *Chandragupta a/l Meialagan v Tan Lay Yin* [2008] 1 PIR [41] dirujuk.

(3) Bagi, *muscle wasting*, award yang munasabah adalah RM5,000 (lihat perenggan 17(b)); *Baharuddin b Sulong & Anor v Hiew Chong Chan* [2008] 1 PIR [40] dirujuk; *Khairul Amri b Subri & Anor v Mohd Safi b Saad & 2 Ors* [2008] 1 PIR [65] dirujuk; *Abdul Razif b Abd Rahman & Anor v Abd Ghani b Suhadi & Anor* [2008] 2 PIR [1] dirujuk.

(4) Bagi *scars (hypo pigmented scar)*, award yang munasabah ialah RM5,000 (lihat perenggan 17(c)); *Mohd Nor Nuraman b Hassan v Rosli b Mohd Ghazali* [2009] 1 PIR [19] dirujuk; *Mohd Nafis b Ismail v Ng Jye Ming & Anor* [2009] 1 PIR [62] dirujuk.

[English summary

In this accident case, the plaintiff and the defendants had given different versions as to the position of the defendant's lorry just before the accident. The plaintiff said that the defendant had stopped his lorry on the middle of the junction without any signal and had obstructed the plaintiff's lorry resulting in the collision and the accident. The defendant stated that he had given the signal to turn at the distance of 3 to 4 cars and stopped his lorry, by the side of the middle line of the road. When he was ready to turn, suddenly his lorry was knocked down by the plaintiff's lorry from the back at the left side and left rear. The sessions court judge ('SCJ') dismissed the plaintiff's claim with costs. The plaintiff appealed to the high Court. The High Court allowed the plaintiff's appeal on the basis of 50:50 liability and awarded the quantum as follows: (a) for the fracture of the right acetabulum and posterior fracture dislocation of right hip — RM45,000; (b) for muscle wasting — RM5,000; and (c) for scars

— RM5,000. The defendants appealed to the Court of Appeal against the decision.

Held, allowing the plaintiff's appeal on liability and on quantum in part with costs:

(1) When there were two contradicting versions, it was thus the court's duty to refer to the silent evidence ie the sketch and key plan. Taking into account the damages and the position of both lorries as per the photographs and the sketch plan on the balance of probability the court concluded that both the defendants and the plaintiff were liable 50:50 for the accident. The plaintiff was found to be negligent for following the defendant's lorry at a short distance (see paras 12 & 16).

(2) The expert's report stated: 'Apart from the 2 fractures the plaintiff also suffers from (a) wasting of the thigh muscles; (b) restricted movements of right hip joint; and (c) osteoarthritis of right hip joint. The reasonable global award was in the sum of RM45,000 (see para 17(b)); *Sim Chee Yong v Jonny ak Linggon & Anor* [2008] 1 PIR [58] referred; *Chandragupta a/l Meialagan v Tan Lay Yin* [2008] 1 PIR [41] referred.

(3) For the muscle wasting, the reasonable award was RM5,000; *Baharuddin b Sulong & Anor v Hiew Chong Chan* [2008] 1 PIR [40] referred (see para 17(c)); *Khairul Amri b Subri & Anor v Mohd Safi b Saad & 2 Ors* [2008] 1 PIR [65] referred; *Abdul Razif b Abd Rahman & Anor v Abd Ghani b Suhadi & Anor* [2008] 2 PIR [1] referred.

(4) For the scars (hypo pigmented scar), the reasonable award was RM5,000 (see para 14(d)); *Mohd Nor Nuraman b Hassan v Rosli b Mohd Ghazali* [2009] 1 PIR [19] referred; *Mohd Nafis b Ismail v Ng Jye Ming & Anor* [2009] 1 PIR [62] referred.]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kuantum, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 389.

Untuk kes mengenai liabiliti, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1945.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Mokhti bin Haji Ahmad v Idris bin Hashim [1977] 2 MLJ 85 (dirujuk)

Abdul Razif b Abd Rahman & Anor v Abd Ghani b Suhadi & Anor [2008] 2 PIR [1] (dirujuk)

Abidin bin Umar v Doraisamy & Anor [1994] 1 MLJ 617, MT (dirujuk)

Azmi b Abdul Rahman & Anor v Yong Chee Keong [2007] 1 PIR [70] (dirujuk)

Baharuddin b Sulong & Anor v Hiew Chong Chan [2008] 1 PIR [40] (dirujuk)

Chandragupta a/l Meialagan v Tan Lay Yin [2008] 1 PIR [41] (dirujuk)

Khairul Amri b Subri & Anor v Mohd Safi b Saad & 2 Ors [2008] 1 PIR [65] (dirujuk)
Mohd Nafis b Ismail v Ng Jye Ming & Anor [2009] 1 PIR [62] (dirujuk)
Mohd Nor Nuraman b Hassan v Rosli b Mohd Ghazali [2009] 1 PIR [19] (dirujuk)
Partiban a/l Ramasamy v Mohd Rizman b Saad & Anor [2010] 2 PIR [11] (dirujuk)
Sim Chee Yong v Jonny ak Linggon & Anor [2008] 1 PIR [58] (dirujuk)

(SK Lee) bagi pihak pemohon.
(G Dorai & Co) bagi pihak responden/plaintif.

Ahmad Nasfy PK:

PENDAHULUAN

[1] Dalam perbicaraan penuh, Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Segamat ('Tuan HMS') telah menolak tuntutan plaintif dengan kos. Plaintif tidak berpuas hati ke atas keputusan tersebut dan memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi.

[2] Di peringkat perbicaraan rayuan, mahkamah telah membenarkan rayuan plaintif atas dasar liabiliti 50:50 dan mengawardkan tambahan seperti berikut:

(a) *Fracture of the right acetabulum and posterior fracture dislocation of right hip*. Tuan HMS mengawardkan RM38,000. Award dinaikkan kepada RM45,000;

(b) *Muscle wasting*—Tuan HMS tidak memberikan award. Award dibenarkan sebanyak RM5,000; dan

(c) *Scars*—Tuan HMS memberikan award RM2,000 — award dibenarkan sebanyak RM5,000.

Lain-lain keputusan mengenai award oleh Tuan HMS dikekalkan.

FAKTA KES

[3] Pada 4 September 2006, plaintif yang memandu motor lori No WAB 1663 telah terlibat dalam satu kemalangan dengan motor lori No JBG 5768 milik defendan pertama yang dipandu oleh defendan kedua di persimpangan KM 11 Jalan Johor Bahru — Segamat. Arah perjalanan kedua-dua kenderaan ini adalah dari arah atas ke bawah menurut rajah kasar. Tempat kemalangan adalah satu simpang empat yang mempunyai petak kuning di tengah-tengahnya.

[4] Kedua-dua pihak telah memberikan versi masing-masing mengenai bagaimana kemalangan ini berlaku.

VERSI PLAINTIF

[5] Menurut plaintif, beliau melalui lorong sebelah kiri di dalam rajah kasar dari atas ke bawah dan di hadapannya terdapat sebuah motor lori iaitu motor lori defendan. Sedang beliau mengekori motor lori defendan, tiba-tiba motor lori defendan berhenti di petak kuning tanpa memberi sebarang *signal* untuk membuat 'pusingan U besar'. Dalam keadaan itu plaintif yang berada di belakang telah melanggar motor lori defendan di sebelah kanan, sisi motor lori tersebut.

VERSI DEFENDAN

[6] Defendan memandu motor lorinya melalui lorong kanan mengikut rajah kasar dari atas ke bawah dan ingin membelok. Sebelum sampai tempat kemalangan defendan telah memberi isyarat untuk membelok, iaitu dalam jarak 3 ke 4 kereta. Di samping memberi isyarat, defendan telah memberhentikan motor lorinya di tepi garisan tengah jalan kerana memberi laluan kepada kenderaan dari arah bertentangan. Sedang beliau bersedia untuk membelok itu, tiba-tiba motor lori plaintif melanggar di sebelah belakang tepi kiri lorinya, menyebabkan kerosakan teruk di sisi kiri motor lorinya.

ISU LIABILITI

[7] Dapatan fakta Tuan HMS adalah seperti berikut:

(a) keterangan defendan adalah konsisten dengan laporan polis yang dibuatnya di mana di dalam laporan polisnya menyatakan beliau ada memberikan isyarat lampu untuk membelok ke arah kanan dan ada memberhentikan motor lorinya sebelum kemalangan berlaku;

(b) keterangan defendan konsisten dengan kesan kerosakan-kerosakan pada motor lorinya iaitu tertumpu di belakang kiri dan sisi kiri. Kerosakan-kerosakan ini disahkan oleh pegawai penyiasat;

(c) kedudukan di kedua-dua kenderaan yang lebih sebelah kanan adalah lebih konsisten dengan keterangan defendan bahawa selepas pelanggaran, motor lorinya berpusing dan menyebabkan pecahan kaca bertaburan di sebelah E dan F dan pegawai penyiasat bersetuju dengan kedudukan ini;

(d) keterangan plaintif adalah tidak munasabah yang mengatakan motor lorinya berlanggar bahagian sisi kanan motor lori defendan dan semasa pelanggaran motor lori defendan berhenti di petak kuning untuk

membuat 'pusingan U besar'. Keterangan plaintif bercanggah dengan kedudukan, kesan kerosakan kenderaan-kenderaan dan kesan-kesan kemalangan; dan

(e) rumusan yang dibuat ialah motor lori plaintif melanggar belakang motor lori defendan (rujuk kes *Abidin bin Umar v Doraisamy & Anor* [1994] 1 MLJ 617, *Abdul Mokhti bin Hj Ahmad v Idris bin Hashim* [1977] 2 MLJ 85). Oleh itu plaintif didapati bertanggungan 100% atas kemalangan ini.

ISU KUANTUM

[8] Tuan HMS memberikan award seperti berikut:

(a) *posterior fracture dislocation of right hip, fracture right acetabulum with disabilities*. Award secara global sebanyak RM38,000 (rujuk kes *Partiban a/l Ramasamy v Mohd Rizman b Saad & Anor* [2010] 2 PIR [11] (award RM30,000 tanpa *residual*) dan kes *Azmi b Abdul Rahman & Anor v Yong Chee Keong* [2007] 1 PIR [70] (award RM40,000 dengan *residual*);

(b) *scars* — terdapat hanya satu *scar* sahaja di lutut. Award dibenarkan RM2,000;

(c) pembedahan masa akan datang dan kesakitan dan penderitaan sewaktu pembedahan masa akan datang ditolak kerana laporan pakar menyatakan kecederaan plaintif telah pulih dan pembedahan untuk 'total hip replacement' tidak perlu diadakan; dan

(d) kehilangan pendapatan item (g) ditolak kerana plaintif dibayar gaji penuh sepanjang cuti sakit dan plaintif sendiri memilih untuk tidak kembali bekerja selepas kemalangan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Isu liabiliti

[9] Adalah tidak dipertikaikan bahawa kedua-dua motor lori plaintif dan defendan datang dari arah yang sama iaitu arah atas ke bawah (rujuk rajah kasar (eksh P1) di ms 119 rekod rayuan).

[10] Di dalam kes ini, kedua-dua plaintif dan defendan memberikan versi yang berbeza mengenai kedudukan motor lori defendan sejurus sebelum kemalangan.

[11] Pihak plaintif mengatakan defendan memberhentikan motor lorinya di

pertengahan simpang tanpa sebarang isyarat dan membuat halangan kepada motor lori plaintif sehingga mengakibatkan perlanggaran dan kemalangan. Pihak defendan pula mengatakan bahawa beliau memberikan isyarat untuk membelok dalam jarak 3 ke 4 kereta dan berhentikan motor lorinya, di tepi garisan tengah jalan. Apabila beliau sedia untuk membelok, tiba-tiba motor lorinya dilanggar oleh motor lori plaintif di sebelah belakang tepi kiri dan sisi kiri.

[12] Pada pendapat mahkamah, apabila terdapat dua versi yang bertentangan maka adalah menjadi tugas mahkamah untuk merujuk kepada keterangan senyap iaitu rajah kasar dan kunci (eksh P1, P1K) gambar-gambar (eksh P5AF).

[13] Menurut Inspektor Mohd Al Amin, Pegawai Penyiasat ('SP2'). Kerosakan motor lori defendan JBG 5768 terdapat besi di bahagian belakang sebelah kiri patah dan papan tanda 'awas muatan panjang' kemek. Manakala motor lori plaintif No NAB 1663 remuk bahagian hadapan, cermin hadapan pecah dan *body* hadapan rosak teruk.

[14] Kerosakan-kerosakan ini yang juga disokong oleh gambar-gambar (P5AF) boleh memberi gambaran sebenar mengenai posisi kedua-dua motor lori itu semasa pelanggaran. Pada hemat mahkamah dengan merujuk kepada gambar P5D, adalah 'highly probable' semasa pelanggaran bahagian kiri motor lori defendan berada di luar garisan laluan untuk membelok dan hampir di tengah laluan untuk bergerak terus. Pendapat ini adalah konsisten dengan tanda 'Y' di dalam rajah yang menurut SP2 adalah tempat perlanggaran.

[15] Dengan lain perkataan, kedudukan motor lori defendan tersebut boleh dianggap bahawa defendan hendak bergerak terus dan bukan membelok. Dalam situasi tersebut defendan berhentikan motor lorinya untuk membelok menyebabkan motor lori plaintif melanggar bahagian kiri motor lori defendan.

[16] Mengambil kira kerosakan-kerosakan dan kedudukan kedua-dua motor lori tersebut seperti di gambar dan rajah kasar atas imbangan kebarangkalian mahkamah memutuskan bahawa kedua-dua defendan dan plaintif bertanggungan 50:50 atas kemalangan ini. Plaintif juga didapati cuai kerana mengekori motor lori defendan pada jarak yang dekat.

Isu kuantum

[17] Mahkamah berpendapat award yang diberikan oleh Tuan HMS bagi kecederaan-kecederaan berikut adalah rendah tanpa mengambil kira trend award masa kini iaitu:

(a) *Fracture of the right acetabulum and posterior fracture dislocation of right hip*

Merujuk laporan pakar di ms 123 rekod rayuan menyatakan:

Apart from the 2 fractures the Plaintiff also suffers from

(a) Wasting of the thigh muscles

(b) Restricted movements of right hip joint

(c) Osteoarthritis of right hip joint.

Jumlah award global yang munasabah adalah sebanyak RM45,000 (rujuk kes *Sim Chee Yong v Jonny ak Linggon & Anor* [2008] 1 PIR [58] (award RM45,000). *Chandragupta a/l Meialagan vs Tan Lay Yin* [2008] 1 PIR [41] (award RM52,000);

(b) *Muscle wasting*
Award yang munasabah adalah RM5,000 (rujuk kes *Baharuddin b Sulong & Anor vs Hiew Chong Chan* [2008] 1 PIR [40] (award RM5,200), *Khairul Amri b Subri & Anor v Mohd Safi b Saad & 2 Ors* [2008] 1 PIR [65] (award RM10,000) *Abdul Razif b Abd Rahman & Anor vs Abd Ghani b Suhadi & Anor* [2008] 2 PIR [1] (award RM10,000); dan

(c) *Scars (hypo pigmented scar)*
(rujuk ms 137 rekod rayuan) award yang munasabah ialah RM5,000 rujuk kes *Mohd Nor Nuraman b Hassan v Rosli b Mohd Ghazali* [2009] 1 PIR [9] (award RM10,000), *Mohd Nafis b Ismail v Ng Jye Ming & Anor* [2009] 1 PIR [62] (award RM15,000).

KESIMPULAN

[18] Berdasarkan alasan-alasan di atas adalah diputuskan bahawa rayuan plaintif atas liabiliti dan sebahagian kuantum dibenarkan dengan kos.

Rayuan plaintif atas liabiliti dan sebahagian kuantum dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum